



BAHAGIAN KESELAMATAN KEBAKARAN
IBU PEJABAT
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
Fire And Rescue Department of Malaysia
Lebuhr Wawasan, Presint 7
62250 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Telefon : 603-8888 0036
Faks: 603-8892 7977
Portal Rasmi: www.bomba.gov.my
Emel: bkkjbpm@bomba.gov.my



'CEPAT DAN MESRA'

Ruj. Tuan :
(Your Ref)

Ruj. Kami : JBPM/IF/6KK:700-1/1/1 Jld 2 (13)
(Our Ref)

Tarikh : 18 Disember 2014
(Date)

SEPERTI EDARAN

YBhg. Dato' / Tuan

PELAKSANAAN KAEDAH PUSAT SETEMPAT (OSC) DAN PENGELUARAN PERAKUAN SIAP DAN PEMATUHAN (CCC) MENGIKUT MODEL OSC 3.0

Saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita memaklumkan bahawa Model OSC 3.0 telah mula dilancarkan pada 1 Jun 2014 di semua Pihak Berkuasa Tempatan Semenanjung Malaysia kecuali Sabah dan Sarawak. Model ini menyaksikan penambahbaikan terhadap enam (6) proses utama dalam sesebuah pembangunan iaitu P1 - Pengumpulan Data Teknikal, P2 - Pertimbangan Pelan-pelan Cadangan Pemajuan, P3 - Pemberitahuan Mula Kerja, P4 - Pemeriksaan Interim, P5 - Pemeriksaan Akhir dan P6 - Pendepositan Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC). Komitmen jabatan dalam pelaksanaan Model OSC 3.0 adalah semasa proses P2 dan P5 iaitu memberi sokongan atau kelulusan ke atas pelan bangunan dan pelan M&E serta memberi pelepasan sebelum CCC dikeluarkan.

3. Melalui model ini, OSC berfungsi menyelaraskan dan memantau lima (5) proses utama iaitu dari P2 hingga P6. Proses baru ini menetapkan semua permohonan dikemukakan kepada OSC dan semua kelulusan diperolehi melalui OSC. Dalam hubungan ini, pengedaran pelan-pelan pembangunan dan urusan penyelarasan pemeriksaan akhir diselaras, dipantau dan dimajukan kepada Pejabat-pejabat Zon JBPM.

'CEPAT DAN MESRA'



CERTIFIED TO ISO 9001 :
2008
CERT. NO: AR 5037



CERTIFIED TO ISO 9001 :
2008
CERT. NO: AR5037

4. Bagi pelaksanaan Model OSC 3.0 ini, jabatan menetapkan cadangan pemajuan diproses mengikut skala pemajuan iaitu skala besar, skala sederhana dan skala kecil. Cadangan pemajuan berskala besar diproses oleh Ibu Pejabat JBPM, skala sederhana di peringkat JBPM Negeri manakala skala kecil di peringkat Zon JBPM sepertimana di dalam **Jadual 1** di lampiran.

5. Tempoh memproses pelan-pelan bangunan dan Pelan M&E adalah 14 hari dan 30 hari bagi bagi menyelaraskan surat pelepasan CCC bagi cadangan pemajuan berskala sederhana dan besar. Cadangan pemajuan berskala kecil pula boleh diberi kelulusan segera (*fast lane*) iaitu tempoh memproses pelan-pelan dan pengeluaran surat pelepasan CCC adalah tujuh (7) hari. Surat pelepasan CCC pula mestilah dikeluarkan pada hari yang sama pemeriksaan dijalankan.


6. Bersama-sama ini dilampirkan **Garis Panduan Pelaksanaan Kaedah Pusat Setempat (OSC) dan Pengeluaran Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) mengikut Model OSC 3.0** berserta borang-borang yang telah dipinda untuk makluman, perhatian dan tindakan pihak YS Dato' /Tuan.

Sekian terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“1 Malaysia: Rakyat didahulukan, Pencapaian diutamakan”

Saya yang menurut perintah,



(DATO' RUSMANI BIN MUHAMAD)

Penolong Ketua Pengarah

Bahagian Keselamatan Kebakaran

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

SENARAI EDARAN

YS Pengarah JBPM Perlis
YS Pengarah JBPM Kedah
YS Pengarah JBPM Pulau Pinang
YS Pengarah JBPM Perak
YS Pengarah JBPM Selangor
YS Pengarah JBPM Kuala Lumpur
YS Pengarah JBPM Putrajaya
YS Pengarah JBPM Negeri Sembilan
YS Pengarah JBPM Melaka
YS Pengarah JBPM Johor
YS Pengarah JBPM Pahang
YS Pengarah JBPM Terengganu
YS Pengarah JBPM Kelantan
YS Pengarah JBPM Sabah
YS Pengarah JBPM Sarawak
YS Pengarah JBPM Labuan
YS Komandan Akademi Bomba & Penyelamat Malaysia Kula Kubu Bharu
YS Komandan Akademi Bomba & Penyelamat Malaysia Wakaf Tapai
YS Komandan Akademi Bomba & Penyelamat Malaysia Ipoh
YS Komandan Akademi Bomba & Penyelamat Malaysia Negeri Sarawak
YS Komandan Akademi Bomba & Penyelamat Malaysia Negeri Sabah
Semua Penguasa Zon

s.k :

- I. YAS Ketua Pengarah JBPM
- II. YAS Penolong Ketua Pengarah (Operasi) JBPM
- III. YAS Penolong Ketua Pengarah (Pembangunan) JBPM
- IV. President
The Institute of Engineers Malaysia
- V. Presiden
Pertubuhan Arkitek Malaysia
- VI. Presiden
Lembaga Arkitek Malaysia
- VII. Ketua Pengarah
Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT)
- VIII. Ketua Pengarah
Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN KAEDAH PUSAT SETEMPAT (OSC)
DAN PENGELUARAN PERAKUAN SIAP DAN PEMATUHAN (CCC)
MENGIKUT MODEL OSC 3.0**

1.0 SEMAKAN PELAN

1.1 Penerimaan Pelan

- 1.1.1 Bagi permohonan baru pelan bangunan dan pelan M&E, hendaklah diterima daripada OSC.
- 1.1.2 Bagi permohonan pindaan kepada pelan bangunan dan pelan M&E, permohonan pelan bangunan dan pelan M&E hendaklah diterima daripada OSC.
- 1.1.3 Bagi permohonan pindaan kepada pelan bangunan dan pelan M&E sedia ada, permohonan hendaklah diterima daripada pemohon.
- 1.1.4 Pelan bangunan dan pelan M&E boleh diterima serentak. Walaubagaimanapun, kelulusan pelan M&E hanya boleh dikeluarkan apabila kehendak-kehendak keselamatan kebakaran pasif (pelan bangunan) di patuhi.
- 1.1.5 Sila rujuk jadual peringkat pemprosesan pelan dan surat pelepasan pada **Jadual 1**. Sekiranya kategori skala sederhana dan besar, Pegawai Keselamatan Kebakaran 1 di peringkat Zon, hendaklah menyerahkan kepada Ibu Pejabat Negeri atau Ibu Pejabat JBPM.

1.2 Tempoh Semakan Pelan

1.2.1 JBPM hendaklah memproses pelan-pelan yang dikemukakan dan mengeluarkan ulasan (pelan bangunan) atau perakuan (pelan M&E) dalam tempoh empat belas (14) hari bagi semua kategori cadangan pemajuan. Walaubagaimanapun, bagi cadangan pemajuan berskala kecil yang memerlukan kelulusan segera (*fast lane*) di dalam **Jadual 1**, ulasan atau perakuan tersebut hendaklah dikeluarkan dalam tempoh tujuh (7) hari.

1.3 Penyerahan Pelan

1.3.1 Dokumen seperti surat pengesahan atau surat penolakan dan pelan-pelan pembangunan hendaklah diserahkan semula seperti mekanisme permohonan diterima yang dinyatakan di para 1.1.2 hingga 1.1.3 di atas.

1.3.2 Sekiranya kategori skala sederhana dan besar, Pegawai Keselamatan Kebakaran 2 di peringkat Ibu Pejabat Negeri atau Ibu Pejabat JBPM, hendaklah menyerahkan kepada Pejabat Zon sebelum diserahkan kepada OSC .

1.3.3 Penghantaran hendaklah dibuat mengikut kesesuaian samada serahan tangan atau pos. Setiap serahan dokumen perlu direkodkan di dalam Buku Serahan Tangan. Jika serahan tangan, akuan penerimaan hendaklah menggunakan cop penerimaan Pejabat Zon atau OSC.

2.0 PEMERIKSAAN AKHIR

2.1 Penerimaan Permohonan

2.1.1 Bagi permohonan **baru** pemeriksaan bangunan, hendaklah diterima daripada OSC.

2.1.2 Bagi permohonan **semula** pemeriksaan, **permohonan** hendaklah dikemukakan terus kepada JBPM tanpa **melalui OSC**.

2.1.3 Bagi permohonan pemeriksaan kerana membuat pindaan, permohonan pemeriksaan boleh dikemukakan terus kepada JBPM tanpa **melalui OSC**.

2.1.4 Apabila Pegawai Keselamatan Kebakaran 1 di peringkat Zon menerima permohonan pemeriksaan, permohonan pemeriksaan itu hendaklah diserahkan kepada Ibu Pejabat Negeri atau Ibu Pejabat JBPM sekiranya cadangan pemajuan tersebut berkategori skala sederhana, besar atau pelan bangunan telah disokong / diluluskan di Ibu Pejabat Negeri atau Ibu Pejabat JBPM.

2.2 Bayaran Pemeriksaan

2.2.1 Bayaran boleh dibuat oleh pemohon semasa mengemukakan permohonan pemeriksaan di OSC. Bayaran boleh berbentuk kiriman wang / wang pos / bank draf atau cek syarikat sahaja yang dibenarkan. Resit rasmi [Kew. 38] hendaklah dikeluarkan bersama-sama surat pelepasan atau laporan pemeriksaan.

2.3 Tarikh Pemeriksaan

2.3.1 Pemeriksaan akhir terbahagi kepada dua peringkat, iaitu pemeriksaaan akhir I (pemeriksaan oleh PBAN dan TNB) dan pemeriksaan akhir II (pemeriksaan oleh JBPM, DOSH dan IWK/MAJAARI). Tempoh pemeriksaan akhir I adalah tiga puluh (30) hari manakala pemeriksaan akhir II adalah tiga puluh (30) hari selepas pemeriksaan akhir I.

2.3.2 Walaubagaimanapun, bagi cadangan pemajuan berskala kecil yang memerlukan kelulusan segera (*fast lane*) di dalam **Jadual 1**, tempoh pemeriksaan akhir I adalah tujuh (7) hari manakala pemeriksaan akhir II adalah tujuh (7) hari selepas pemeriksaan akhir I.

2.3.3 JBPM hendaklah menetapkan tarikh pemeriksaan dan membuat pemeriksaan dalam tempoh yang ditetapkan oleh OSC, selepas menerima salinan pengesahan daripada Pihak Berkuasa Air Negeri dan TNB. Pegawai Keselamatan Kebakaran 1 di peringkat Zon, hendaklah menyerahkan salinan pengesahan tersebut kepada Ibu Pejabat Negeri atau Ibu Pejabat JBPM sekiranya permohonan pemeriksaan terdiri daripada kategori skala sederhana, besar atau pelan bangunan telah disokong / diluluskan bukan di peringkat Zon.

2.3.4 Pegawai Keselamatan Kebakaran 2 hendaklah menentukan tarikh pemeriksaan dalam tempoh yang ditetapkan di dalam surat makluman OSC, selepas memperolehi salinan pengeluaran surat pelepasan daripada Pihak Berkuasa Air Negeri dan TNB.

2.4 Surat Pelepasan

2.4.1 Bagi cadangan pemajuan berskala kecil, surat pelepasan hendaklah dikeluarkan pada hari yang sama pemeriksaan dilaksanakan manakala bagi cadangan pemajuan berkala sederhana dan besar pula tidak melebihi 5 hari selepas hari pemeriksaan dijalankan.

2.4.2 Bagi cadangan pemajuan berskala kecil (Lampiran A), Surat Pelepasan Perakuan Berperingkat digantikan dengan laporan pemeriksaan dan pengesahan pegawai pemeriksa seperti di **Lampiran 9** dan ia boleh ditandatangani oleh pegawai pemeriksa.

2.4.3 Surat Pelepasan Perakuan Berperingkat, laporan pemeriksaan dan Borang 3 perenggu yang dikeluarkan oleh Ibu Pejabat Negeri atau Ibu Pejabat JBPM, hendaklah diserahkan kepada Pejabat Zon sebelum diserahkan kepada OSC.

3.0 PENUTUP

Pemakaian Jadual Peringkat Pemprosesan Pelan dan beberapa borang di dalam **Arahan Pencegah dan Keselamatan Kebakaran Bilangan 1 Tahun 2007** adalah dibatalkan. Jadual dan borang-borang tersebut digantikan dengan **Jadual 1** dan borang-borang seperti yang dilampirkan. Penggunaannya adalah merangkumi seluruh Malaysia mulai tarikh surat ini ditandatangani.

Kelonggaran terhadap pemakaian borang seperti **Lampiran 1, 2, 6, 7, 8 dan 9** oleh Orang yang Mengemukakan dan Pihak-pihak PBT di zon/negeri masing-masing harus dipertimbangkan dalam tempoh penyebaran maklumat ini disampaikan. Justeru, mulai surat ini


ditandatangani, pemakluman hendaklah dibuat kepada pihak yang tersebut di atas oleh semua Pengarah Negeri.

Mengikut ketetapan Mesyuarat Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) pada 4 Mac 2014 yang lalu, model OSC 3.0 perlu dilaksanakan mulai 1 Jun 2014 di semua PBT. Namun begitu, masih terdapat sesetengah PBT yang belum lagi melaksanakannya. Oleh itu, semua Penguasa Zon perlu merujuk dan mendapatkan kepastian daripada PBT masing-masing mengenai status pelaksanaannya.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(DATO' RUSMANI BIN MUHAMAD)

Penolong Ketua Pengarah

Bahagian Keselamatan Kebakaran

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Tarikh:

Jadual 1

Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (skala besar)	Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri (skala sederhana)	Peringkat Zon (skala kecil)
i. Sesuatu projek atau cadangan pembangunan yang diklasifikasi atau diisytiharkan sebagai projek mega oleh Kerajaan Malaysia. ii. Sesuatu projek yang di dalamnya atau direkabentuk mempunyai 3 kriteria berikut :- - keluasan binaan keseluruhan sesuatu premis (projek) itu 1 juta meter persegi atau lebih dan - ketinggian sesuatu premis (projek) itu 150 meter atau lebih dan - Projek tersebut merupakan pembangunan bercampur (mixed development) dan mesti terdapat sekurang-kurangnya 3 jenis penggunaan yang berbeza (3 kumpulan maksud) iii. Projek yang melibatkan pemerosesan bahan-bahan bahaya seperti loji kimia, loji bahan-bahan petroleum dan pengeluarannya secara pukal. iv. Projek yang dibina sebagai struktur khas seperti Menara Kuala Lumpur, loji janakuasa, terowong dan sebagainya. v. Projek yang menggunakan dan direkabentuk menurut <i>Performance Based</i>.	i. Semua projek selain di bawah bidang Kuasa Ibu Pejabat JBPM. ii. Mana-mana projek yang tiada kemampuan dilaksanakan pada peringkat zon. iii. Projek tertentu yang dikehendaki oleh YAS Ketua Pengarah atau YS Pengarah diproses di Ibu Pejabat Negeri.	-Sila rujuk Lampiran 1A-

FAST LANE			
	SARAWAK BUILDING ORDINANCE (SBO)	SELURUH NEGARA KECUALI KUALA LUMPUR	KUALA LUMPUR SAHAJA
UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN SERAGAM 1984 (UUKBS 1984)	SARAWAK BUILDING ORDINANCE (SBO)		
UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN SERAGAM 1984 PINDAAN 2012 (UUKBS 1984 PINDAAN 2012)	UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN SERAGAM 1984 (UUKBS 1984)		
2. Asrama, Dormitori, Rumah Orang Tua dan Anak Yatim 1 hingga 5 tingkat - tidak melebihi 250 m persegi bagi satu tingkat	2. Asrama dan Dormitori 1 hingga 3 tingkat 4 hingga 5 tingkat - tidak melebihi 250 m persegi bagi satu tingkat	2. Asrama dan Dormitori 1 hingga 3 tingkat 4 hingga 5 tingkat - tidak melebihi 250 m persegi bagi satu tingkat	2. Asrama dan Dormitori 1 hingga 3 tingkat 4 hingga 5 tingkat - tidak melebihi 250 m persegi bagi satu tingkat
3. Pangsapuri dan Rumah Pangsa 5 tingkat dan ke bawah	3. Rumah Pangsa 1 hingga 5 tingkat - Laluan langkan terbuka	3. Rumah Pangsa 1 hingga 5 tingkat - Laluan langkan terbuka	3. Rumah Pangsa 1 hingga 5 tingkat - Laluan langkan terbuka
PEJABAT - Tidak melebihi 5 tingkat atau kurang 18 meter tinggi - jumlah keluasan lantai aras yang sama kurang 1000 m persegi	PEJABAT - Tidak melebihi 5 tingkat atau kurang 18 meter tinggi - jumlah keluasan lantai aras yang sama kurang 1000 m persegi	PEJABAT - Tidak melebihi 5 tingkat atau kurang 18 meter tinggi - jumlah keluasan lantai aras yang sama kurang 1000 m persegi	PEJABAT - Tidak melebihi 5 tingkat atau kurang 18 meter tinggi - jumlah keluasan lantai aras yang sama kurang 1000 m persegi
KOMPLEKS MEMBELI-BELAH, KEDAI DAN PASAR 1 tingkat - jumlah keluasan lantai tidak melebihi 1000 meter persegi 2 tingkat - jumlah keluasan lantai tidak melebihi 1000 meter persegi - Tidak melebihi 5 tingkat atau kurang 18 meter tinggi - jumlah keluasan lantai tidak melebihi 1000 m persegi - Pusat Penjaja, Plaza Makan, Pasar Basah dan Kering - Bangunan berasingan kurang daripada 2,000 m persegi dengan rekabentuk struktur terbuka dan pengudaraan semula jadi	KEDAI - Keluasan lantai tidak melebihi 250 m persegi bagi satu lantai yang dibina sebagai petak berasingan 1 tingkat - jumlah keluasan lantai tidak melebihi 1000 m persegi 2 tingkat - jumlah keluasan lantai tidak melebihi 1000 m persegi - Tidak melebihi 5 tingkat atau kurang 18 meter tinggi - jumlah keluasan lantai tidak melebihi 1000 m persegi	KEDAI - Keluasan lantai tidak melebihi 250 m persegi bagi satu lantai yang dibina sebagai petak berasingan 1 tingkat - jumlah keluasan lantai tidak melebihi 1000 m persegi 2 tingkat - jumlah keluasan lantai tidak melebihi 1000 m persegi - Tidak melebihi 5 tingkat atau kurang 18 meter tinggi - jumlah keluasan lantai tidak melebihi 1000 m persegi	KEDAI - Jumlah keluasan lantai kurang daripada 1000 meter persegi: - Rumah kedai – tidak melebihi 3 tingkat - Fast Food – tidak melebihi 3 tingkat - Ruang Pameran – tidak melebihi 3 tingkat - Ruang Pameran kereta – tidak melebihi 3 tingkat - Ruang Pameran Alatan Pejabat – tidak melebihi 3 tingkat - Stesen minyak
KILANG 1 Tingkat berasingan atau unit-unit teres –jumlah keluasan lantai aras yang sama kurang 1000 m persegi - Rekabentuk struktur terbuka - Kerja rangka keluli atau logam, kerja kejuruteraan atau logam atau pertubuhan risiko api rendah yang serupa 2 tingkat berasingan detached atau unit-unit teres: setiap tingkat dibina sebagai kompakten berasingan jenis binaan tunggal atau teres - setiap keluasan lantai kurang daripada 500 m persegi - Blok Kilang Bertingkat – - Tidak melebihi 5 tingkat atau kurang 18 meter tinggi - tidak melebihi 1000 m persegi bagi suatu kompakten	KILANG 1 Tingkat - jumlah lantai keluasan aras yang sama kurang 1000 m persegi - Rekabentuk terbuka - Kerja rangka keluli atau logam, kerja kejuruteraan atau logam atau pertubuhan risiko api rendah yang serupa 2 tingkat : setiap tingkat dibina sebagai kompakten berasingan jenis binaan tunggal atau teres - setiap keluasan lantai kurang daripada 750 m persegi - Blok Kilang Bertingkat Langkan Terbuka - Tidak melebihi 5 tingkat atau kurang 18 meter tinggi - tidak melebihi 750 meter persegi bagi suatu kompakten	KILANG 1 Tingkat - jumlah keluasan lantai aras yang sama kurang 1000 m persegi - Rekabentuk terbuka - Kerja rangka keluli atau logam, kerja kejuruteraan atau logam atau pertubuhan risiko api rendah yang serupa 2 tingkat : setiap tingkat dibina sebagai kompakten berasingan jenis binaan tunggal atau teres - setiap keluasan lantai kurang daripada 750 m persegi 3 tingkat dan ke atas dibina sebagai teres - Blok Kilang Bertingkat Langkan Terbuka - Tidak melebihi 5 tingkat atau kurang 18 meter tinggi - tidak melebihi 750 meter persegi bagi suatu kompakten	KILANG Tidak melebihi 3 tingkat

2

		FAST LANE	
		SELURUH NEGARA KECUALI KUALA LUMPUR	KUALA LUMPUR SAHAJA
UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN SERAGAM 1984 PINDAAN 2012 (UUKBS 1984 PINDAAN 2012)	UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN SERAGAM 1984 (UUKBS 1984)	SARAWAK BUILDING ORDINANCE (SBO)	
KEDIAMAN KECIL Semua projek yang dikategorikan di bawah Kumpulan Maksud I, Jadual Kelima UBBL 1984 yang tidak melebihi 18 meter tinggi.	KEDIAMAN KECIL Semua projek yang dikategorikan di bawah Kumpulan Maksud I, Jadual Kelima UBBL 1984 yang tidak melebihi 18 meter tinggi.	KEDIAMAN KECIL Semua projek yang dikategorikan di bawah Kumpulan Maksud I, Jadual E, SBO 1994 yang tidak melebihi 18 meter tinggi.	KEDIAMAN KECIL • Tidak melebihi 4 unit (bukan pemajuan perumahan)
INSTITUSIONAL 1. Pendudukan Pelajaran • Bilik atau dewan yang diguna bagi tujuan pengajaran o Rekabentuk koridor terbuka - 5 tingkat ke bawah o Rekabentuk lain - Kurang daripada 1,000 meter persegi bagi satu tingkat • Kantin/ dapur berasingan • Makmal dan bengkel o Jumlah keluasan lantai bagi satu blok kurang 1000 meter persegi • Perpustakaan o Jumlah keluasan lantai kurang 1000 meter persegi • Dewan serbaguna o 1 tingkat dan kurang 1000 meter persegi jumlah keluasan lantai • Bangunan dengan penyaman udara pusat o jumlah keluasan lantai kurang 1000 meter persegi	INSTITUSIONAL 1. Pendudukan Pelajaran • Bilik atau dewan yang diguna bagi tujuan pengajaran o Rekabentuk koridor terbuka • 5 tingkat ke bawah • Kantin/ dapur berasingan • Makmal o Jumlah keluasan lantai kurang 1000 meter persegi • Perpustakaan o 1 - 2 tingkat - jumlah keluasan lantai kurang 1000 meter persegi	INSTITUSIONAL 1. Pendudukan Pelajaran • Bilik atau dewan yang diguna bagi tujuan pengajaran o Rekabentuk koridor terbuka • 5 tingkat ke bawah • Kantin/ dapur berasingan • Makmal o Jumlah keluasan lantai kurang 1000 meter persegi • Perpustakaan o 1 tingkat - jumlah keluasan lantai kurang 1000 m persegi o 2 tingkat - jumlah keluasan lantai (tingkat 1 dan tingkat 2) kurang 500 meter persegi	INSTITUSIONAL -Tiada-
KEDIAMAN LAIN 1. Hotel • Rekabentuk koridor terbuka dengan tangga terbuka dengan lobi yang dipanjangkan atau tangga menara o 1 hingga 3 tingkat o 4 atau 5 tingkat- tidak melebihi 51 bilik bagi satu blok • Rekebentuk lain- kurang daripada 10 bilik bagi satu blok	KEDIAMAN LAIN 1. Hotel • Rekabentuk koridor terbuka dengan tangga terbuka dengan lobi yang dipanjangkan atau tangga menara o 1 hingga 5 tingkat • Rekebentuk lain o kurang daripada 20 bilik o 51 bilik dan lebih –kurang dari 3 tingkat	KEDIAMAN LAIN 1. Hotel • Rekabentuk koridor terbuka dengan tangga terbuka dengan lobi yang dipanjangkan atau tangga menara o 1 hingga 5 tingkat -kurang daripada 50 bilik • Rekebentuk lain o kurang daripada 20 bilik o 51 bilik dan lebih –kurang dari 3 tingkat	INSTITUSIONAL • Dewan serbaguna – tidak melebihi 3 tingkat • Tadika / Taska – tidak melebihi 3 tingkat
KEDIAMAN LAIN	KEDIAMAN LAIN	KEDIAMAN LAIN	KEDIAMAN LAIN

UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN SERAGAM 1984 PINDAAN 2012 (UUKBS 1984 PINDAAN 2012)	UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN SERAGAM 1984 (UUKBS 1984)	SARAWAK BUILDING ORDINANCE (SBO)	FAST LANE	
			SELURUH NEGARA KECUALI KUALA LUMPUR	KUALA LUMPUR SAHAJA
- Pemasangan kenderaan dan kilang-kilang sejenisnya - jumlah keluasan lantai aras yang sama kurang 1000 m persegi				
TEMPAT PERHIMPUNAN - Pusat Konvensyen, Pusat Masyarakat, Kelab-Kelab Persendirian, Pusat Pameran, Muzium dan Balai Seni 1 tingkat - jumlah keluasan lantai aras yang sama kurang 1000 m persegi - Terminal bas, stesen keretaapi – 1 tingkat atau tidak melebihi 1000 m persegi jumlah keluasan lantai - Tempat ibadat	-Tiada-	TEMPAT PERHIMPUNAN - Kurang daripada 1000 m persegi atau kurang 1000 orang - Kurang daripada 500 m persegi atau kurang 500 orang – bangunan dengan penyaman udara pusat	TEMPAT PERHIMPUNAN - Rumah Ibadat - Rumah Kelab – melebihi 3 tingkat - Bangunan Kemudahan Awam – tidak melebihi 3 tingkat	
STORAN & AM - Tempat letak kereta - Tempat letak kereta atas tanah dengan struktur terbuka - Tempat letak kereta bawah tanah - tidak melebihi 1000 m persegi - Gudang dan storan bahan-bahan tak boleh terbakar 1-2 tingkat - jumlah keluasan lantai kurang 1000 m persegi - Gudang dan storan bahan-bahan boleh terbakar 1 tingkat – tidak melebihi 500 m persegi keluasan jumlah lantai 1 tingkat sisi terbuka - jumlah keluasan lantai melebihi 1000 meter persegi - Tidak melebihi 5 tingkat atau kurang 18 meter tinggi – Kurang daripada 1000 m persegi keluasan jumlah lantai dan kurang daripada 7000 m padu	STORAN & AM - Tempat letak kereta - Tempat letak kereta atas tanah dengan struktur terbuka - Tempat letak kereta automatik berbilang paras - Storan bersampingan dengan prosesan Perindustrian Bahan - Dikelaskan tidak mudah bakar – tanah liat, tanah peluntur, rod keluli, plat keluli, gypsum dll - Am - Tidak melebihi 5 tingkat atau kurang 18 meter tinggi – keluasan jumlah lantai kurang 500 m persegi	STORAN & AM - Tempat letak kereta - Tempat letak kereta atas tanah dengan struktur terbuka – kurang daripada 4 tingkat - Tempat letak kereta automatik berbilang paras - Storan bersampingan dengan prosesan Perindustrian Bahan - Dikelaskan tidak mudah bakar – tanah liat, tanah peluntur, rod keluli, plat keluli, gypsum dll - Am - Tidak melebihi 5 tingkat atau kurang 18 meter tinggi – keluasan jumlah lantai kurang 500 m persegi	STORAN & AM - Sub-stesen TNB - Gudang / Stor – tidak melebihi 3 tingkat.	

Nota : **Lampiran 1A** adalah pembangunan yang dikategorikan sebagai pembangunan berskala kecil dan perlu diproses peringkat Zon. Lajur pertama (UUKBS 1984, Pindaan 2012), kedua (UUKBS 1984) dan ketiga (SBO) adalah terpakai mengikut pewartan undang-undang tersebut mengikut negeri masing-masing. Manakala penggunaan lajur keempat (*Fast Lane*) adalah merangkumi seluruh Malaysia kecuali Kuala Lumpur dan lajur kelima (*Fast Lane*) hanya terpakai bagi pemapuan pembangunan di Kuala Lumpur sahaja.

SENARAI SEMAK KEPERLUAN MENGEMUKAKAN PELAN BANGUNAN			
BIL.	PELAN BANGUNAN	BILANGAN SET	PATUH
1	Surat permohonan rasmi	1	
2	Pelan bangunan lengkap	2	
	Penyataan tajuk projek dengan jelas/ betul	-	
	Skala Pelan hendaklah 1:100 bagi pelan lantai dan 1:1000 bagi pelan tapak	-	
	Menunjukkan dan mengadakan Aksas Perkakas Bomba mengikut UBBL 1984 (diwarnakan kuning)	-	
	Mencatitkan kedudukan pili bomba dengan jarak tidak lebih daripada 90 m (antara satu pili bomba dengan yang lain) dan diwarnakan merah.	-	
	Perakuan tanggungjawab, tandatangan dan cop rasmi 'orang yang berkeelayakan' disetiap helaian pelan arkitekural	-	
	Mencatitkan kehendak-kehendak keselamatan kebakaran dimuka hadapan setiap set pelan bangunan .	-	
	Keperluan kehendak-kehendak menentang dan mencegah kebakaran aktif dan pasif mengikut UBBL 1984 hendaklah diwarnakan merah.	-	
	Pengiraan keluasan setiap lantai; isipadu dan ketinggian bangunan di muka hadapan setiap set pelan bangunan	-	
	Menunjukkan jarak / kiraan berkenaan sesuatu bangunan secara dimensi berangka di atas pelan-pelan.	-	
3	Pengiraan isipadu bangunan bagi penentuan akses perkakas bomba.	1	
4	Pengiraan beban pendudukan mengikut UBBL 1984	1	
5	Mengemukakan pengiraan had pemetakan berdasarkan Jadual ke 5 UBBL 1984	1	
6	Pengiraan Hitungan Had yang dibenarkan bagi kawasan tak terlindung (Jadual ke 6 UBBL 1984)	1	

UNTUK DIISI OLEH PSP/SP/'ORANG YANG BERKELAYAKAN'

Merujuk kepada jadual di belakang, projek ini diklasifikasikan sebagai berskala Dengan ini saya memperakukan semua pelan yang dikemukakan adalah menepati keperluan Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 dan lain-lain piawaian yang berkaitan sebagaimana yang dikehendaki JBPM.

Tandatangan :
 Nama Orang Yang Berkeelayakan :
 Nama & Alamat Syarikat :
 No. Telefon :

Cop

UNTUK KEGUNAAN OSC – DITERIMA/TOLAK*

Pegawai Penerima :
 Tarikh :

Cop
OSC

UNTUK KEGUNAAN JBPM – DITERIMA/TOLAK*

Pegawai Penerima :
 Tarikh :

Cop
JBPM

SENARAI SEMAK KEPERLUAN MENGEMUKAKAN PELAN MEKANIKAL & ELEKTRIKAL			
BIL	PELAN MEKANIKAL & ELEKTRIKAL	BILANGAN SET	PATUH
1	Surat permohonan rasmi	1	
2	Pelan M&E lengkap	2	
	Penyataan tajuk projek dengan jelas/ betul	-	
	Mencatitkan kehendak-kehendak keselamatan kebakaran dimuka hadapan setiap set pelan M&E (berdasarkan sokongan pelan bangunan)	-	
	Tandatangan dan cop rasmi 'orang yang berkeelayakan' serta perakuan piawaian terpakai sistem pemasangan tetap pada setiap helaian pelan M&E	-	
	Keperluan kehendak-kehendak menentang dan mencegah kebakaran aktif hendaklah diwarnakan merah.	-	
	Menunjukkan jarak / kiraan berkenaan sesuatu bangunan secara dimensi berangka di atas pelan-pelan.	-	
3	Pengiraan hidraulik bagi sistem pemasangan tetap yang berkaitan	1	
4	Pengiraan kemudahan pengeluaran asap yang berkaitan	1	

UNTUK DIISI OLEH PSP/SP/'ORANG BERKELAYAKAN'

Merujuk kepada jadual di belakang, projek ini diklasifikasikan sebagai berskala Dengan ini saya memperakukan bahawa semua pelan yang dikemukakan adalah menepati keperluan Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 dan lain-lain piawaian yang berkaitan sebagaimana yang dikehendaki JBPM.

Tandatangan :

Nama Orang Yang Berkeelayakan :

Nama & Alamat Syarikat :

No. Telefon :

UNTUK KEGUNAAN OSC – DITERIMA/TOLAK*

PEGAWAI PENERIMA :
 TARIKH :

UNTUK KEGUNAAN JBPM – DITERIMA/TOLAK*

PEGAWAI PENERIMA :
 TARIKH :

Kepala Surat

“CEPAT DAN MESRA”

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami :

Tarikh :

Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Sepang
Jalan Persiaran Semarak Api, Cyber 1,
63200 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan,
(u.p: Jabatan Bangunan)

Tuan,

(Tajuk Projek)
.....

Merujuk kepada surat tuan bertarikh berhubung perkara di atas, bersama-sama ini dikembalikan () salinan pelan bangunan yang telah disokong untuk tindakan tuan selanjutnya. Manakala () salinan lagi untuk rekod jabatan ini.

2. Bersama-sama ini juga dilampirkan kehendak-kehendak keselamatan kebakaran yang perlu dipatuhi oleh pihak tuan bagi projek di atas.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah

()
Penguasa Zon
Pejabat Zon Selangor Selatan
d/a Balai Bomba dan Penyelamat KLIA
Jalan B20, K.L. International Airport
64000 KLIA, Sepang, Selangor

s.k

1. Ketua Unit OSC
2. PSP

Kepala Surat

“CEPAT DAN MESRA”

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami :

Tarikh :

Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Sepang
Jalan Persiaran Semarak Api, Cyber 1,
63200 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan,
(u.p: Jabatan Bangunan)

Tuan,

(Tajuk Projek)

Merujuk kepada surat tuan bertarikh berhubung perkara di atas, bersama-sama ini dikembalikan () salinan pelan M&E yang telah diluluskan untuk tindakan tuan selanjutnya. Manakala () salinan lagi untuk rekod jabatan ini.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah


()

Penguasa Zon
Pejabat Zon Selangor Selatan
d/a Balai Bomba dan Penyelamat KLIA
Jalan B20, K.L. International Airport
64000 KLIA, Sepang, Selangor

s.k

1. Ketua Unit OSC
2. PSP

CARTA ALIR PEMROSESAN PELAN BANGUNAN DAN PELAN M&E JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA



BORANG SENARAI SEMAK PERMOHONAN PEMERIKSAAN KESELAMATAN KEBAKARAN

Nama Projek : _____ No Fail : _____

Senarai Semak Rujukan dan Dokumen:
(Tandakan / jika lengkap dan TB jika tiada berkaitan)

1.	Pelan Bangunan telah disokong.	..	..	..	☐
2.	Pelan M & E telah diluluskan.	..	..	..	☐
3.	Borang Bayaran Pemeriksaan PU (A) 207 bersama bayarannya.	..	..	..	☐
4.	Perakuan Pemasangan, Sistem Kebompaan & Elemen Struktur daripada Arkitek.	..	..	..	☐
5.	Perakuan Pemasangan, Sistem Kebompaan & Elemen Struktur daripada Jurutera M & E.	..	..	..	☐
6.	Lampiran C1, C2, C3 dan salinan Perakuan Bahan JBPM Senarai seperti Lampiran 1.	..	..	..	☐
7.	Borang Permohonan Dan Perakuan Bagi Pemasangan Semburan Automatik.	...	...	...	☐
8.	Borang Permohonan & Perakuan bagi Pemasangan Tetap dan Sistem Pengeri Kebakaran.	..	..	..	☐
9.	Laporan Penuh Pemeriksaan oleh PSP/SP	..	..	..	☐
10.	3 Set Buku Operasi Bomba bersama <i>softcopy</i> **	..	..	..	☐

UNTUK DIISI OLEH PSP / SP SEBAGAI PEMOHON

Dengan ini saya memperakukan bahawa semua dokumen yang ditanda (/) dikemukakan dan segala keperluan bagi tujuan pemeriksaan telah dipatuhi.

Tandatangan : Tarikh :

Nama PSP/SP :

Nama dan Alamat Syarikat :

.....No. Telefon:.....

UNTUK KEGUNAAN OSC – DITERIMA / TOLAK *

Pegawai Penerima :

Tarikh :

Cop
OSC

SEMAKAN JBPM – DITERIMA / TOLAK *

Pegawai Penerima:.....

Tarikh :

1.	Lampu tanda KELUAR	..	..	☐
2.	Lampu kecemasan	..	..	☐
3.	Pintu rintangan api	..	..	☐
4.	Fire damper	..	..	☐
5.	Fire roller shutter	..	..	☐
6.	Cement sand brick	..	..	☐
7.	Bahan-bahan Kelas O	..	..	☐
8.	Firestop ..	..	..	☐
9.	Drywall construction	..	..	☐
10.	Hollow concrete block	..	..	☐
11.	Lif landing door (fire rated)	..	..	☐
12.	Smoke Detector	..	..	☐
13.	Heat Detector	..	..	☐
14.	Manual call point	..	..	☐
15.	Alarm bell	..	..	☐
16.	Fire resistant cable	..	..	☐
17.	Hose reel ..	..	..	☐
18.	Sprinkler head	..	..	☐
19.	Fire resistant duct	..	..	☐
20.	Smoke curtain	..	..	☐
21.	Smoke extractor system	..	..	☐
22.	Fire alarm panel	..	..	☐
23.	Clean agent system/gas	..	..	☐

** Bangunan hotel 5 tingkat dan /atau 50 bilik ke atas

Kompleks pejabat melebihi 18 meter tinggi

Bangunan kilang yang mempunyai risiko tinggi (*petro-chemical*, kilang penapis minyak, atau kilang yang berasaskan pengeluaran penggunaan bahan bahaya / toksik, *radioactive* dan lain-lain).

Kompleks pasaraya/perniagaan (hyper-market, pusat-pusat komersial dan lain-lain).

PERMOHONAN DAN PERAKUAN BAGI PEMASANGAN SEMBURAN AUTOMATIK

[Undang-Undang Kecil 245 (3)]

Alamat Jabatan Bomba Dan Penyelamat Yang Berkenaan.

Saya.....No. k/p

beralamat di

dengan ini memohon kelulusan untuk *memasang / mengawas pemasangan suatu *pemasangan / pemasangan-pemasangan semburan automatik, *sambungan / sambungan-sambungan yang telah saya rekabentuk menurut kaedah-kaedah JBPM bagi pemasangan semburan automatik semasa untuk :

Nama Pemunya :

Alamat Premis Terlindung :

Bangunan Terlindung	Kelas Bahaya	No.Rujukan Pemasangan	Bilangan Kepala Semburan

*Pemasangan / pemasangan-pemasangan, *sambungan / sambungan-sambungan yang dicadangkan itu adalah seperti diperihalkan dalam jadual di atas dan adalah mengikut lukisan berikut:

Rujukan Lukisan	Perihalan Lukisan

Butir-butir relevan lain mengenai *pemasangan / pemasangan-pemasangan,*sambungan / sambungan-sambungan itu adalah seperti di bawah ini:

KAWASAN LEBIH TINGGI BAHAYA

Storan timbunan tinggi (jika ada) :

(jenis,tinggi dan tempat) :

Bilangan maksimum semburan dalam mana-mana satu risiko berasingan (sebagaimana

didefinasikan dalam kaedah-kaedah JPBM bagi pemasangan semburan automatik)

ialah..... (bangunan.....)

no.rujukan pemasangan.....)

BEKALAN AIR

Bekalan air yang berikut *akan / telah dilengkapi:

- | | | | | |
|----|---|--|----------------|------------------|
| 1. | Sesalur Kerja Air | Diameter | mm | (yang sedia ada) |
| 2. | Tangki/Tangki-tangki Storan Paras Rendah | Muatan | m ³ | (yang sedia ada) |
| 3. | Tangki/Tangki-tangki Storan Paras Bumbung | Muatan | m ³ | |
| 4. | Pam/Pam-pam Low Zone (Tingkat P2 Ke 5) | Kuasa gerakan Kadar nominal dm ³ /minut | kW
Bars | |
| | Low Zone (Tingkat 6 ke 12) | Kadar nominal dm ³ /minut | kW
Bars | |
| | High Zone (Tingkat 24 ke 32) | Kadar nominal dm ³ /minut | Kw
Bars | Dari "Gravity" |
| | | Mengambil air daripada | | |
| 5. | Tangki Tekanan | Jumlah muatan | m ³ | |
| | | Nisbah – udara dengan air | | |
| | | Tekanan udara yang dikehendaki (mengambil kira apa-apa kehilangan yang disebut di bawah) |bars | |

Nama :

.....
Tandatangan orang yang mengemukakan

Alamat :

.....

UNTUK KEGUNAAN RASMI SAHAJA

Permohonan diterima pada

Permohonan diluluskan pada

.....
Nama orang yang meluluskan

.....
Tandatangan orang yang meluluskan

PERAKUAN APABILA SIAP

- Hendaklah diisi dan dikembalikan kepada pihak berkuasa tempatan oleh orang yang mengemukakan permohonan itu pada mulanya.

Saya memperakui bahawa bekalan-bekalan yang diperihalkan di atas telah diuji menurut prosedur yang dinyatakan dalam kaedah-kaedah JPBM bagi pemasangan semburan automatik pada tarikh ujian telah *memenuhi / tidak memenuhi kehendak-kehendak minimum bagi kelas-kelas bahaya tertentu. Butir-butir adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Kertas Data Ujian Bekalan Air yang dilampirkan.

Kehilangan tekanan di bawah keadaan hembus bagi kelas-kelas bahaya masing-masing dalam kerja paip dan pasangan, injap tekanan balik dan injap penggera, di antara pam atau tangki tekanan dan berbagai pemasangan tolok tekanan (Tolok 'C') adalah seperti berikut:

No. Rujukan Pemasangan	Kehilangan Tekanan dalam ** (Milli Bars)

**Termasuk kerja paip, pasangan dan injap-injap tekanan balik dan penggera

Tarikh :

.....
Tandatangan orang yang mengemukakan

KERTAS DATA UJIAN BEKALAN AIR

(Hendaklah disertakan dengan Borang A apabila memohon kelulusan Pemasangan Semburan Automatik yang disediakan)

Nama Pemunya :

Premis Terlindung :

Tarikh siap Ujian :

Perkakas Ujian:

Perkakas ujian yang digunakan berkenaan dengan ujian yang disebutkan di bawah ini mematuhi kehendak-kehendak bagi pengujian bekalan air yang dinyatakan dalam kaedah-kaedah JPBM bagi Pemasangan Semburan Automatik.

"Ujian Standard Orifis" bagi Ujian awasan Berkala Sistem Bahaya Biasa.

Ujian Standard Orifis kecuali faktor "K" berikut (yang ditentukan mengikut prosedur yang dirangkakan dalam perenggan A1102 Standard (iii) kaedah-kaedah JPBM yang tersebut di atas) telah dipasang pada tempat ujian pada setiap set injap kawalan.

UJIAN No. Rujukan Pemasangan.....
Faktor "K"

No. Rujukan Pemasangan	Bekalan Air	Kelas Bahaya	Kehendak-kehendak ujian		Bacaan tolok pemasangan (bars)			*Kehilangan statik(milli bars) di antara tolok Pemasangan dengan semburan tertinggi dalam kawasan Kelas Bahaya tertentu
			Aliran Dm ³ /mm	Tekanan Bars	(a) Di bawah Keadaan Ujian	(b) Dengan Injap Parit Terbuka Penuh	(c) Selepas Ujian siap (tekanan tetap)	

*Jika sesuatu pemasangan terdiri lebih daripada satu Kelas Bahaya, kehilangan yang dinyatakan hendaklah yang di antara tolok pemasangan dengan semburan tertinggi dalam Kelas Bahaya tertentu.

Tarikh :

.....
Tandatangan orang yang mengemukakan

PERMOHONAN DAN PERAKUAN BAGI PEMASANGAN TETAP DAN SISTEM PENGGERA KEBAKARAN

Alamat Jabatan Bomba Dan Penyelamat Yang Berkenaan

Saya.....No. K/P.....

beralamat di.....

.....
memohon kelulusan untuk * memasang / mengawas kerja memasang *pemasangan tetap / sistem
penggera kebakaran sebagaimana diperihalkan di bawah ini seperti di tunjukkan dalam lukisan yang
dikemukakan dengan permohonan ini yang telah saya rekabentuk mengikut kaedah – kaedah
JPB/TASB/ STANDARD BRITISH semasa no.

Nama Pemunya :

Alamat premis :

* Pemasangan / Pemasangan-pemasangan :

Jenis dan sifat * pemasangan / pemasangan-pemasangan :

Sistem Penggera Kebakaran (Jenis Pecah Kaca) :

Sistem Penggera Kebakaran (Pengesaran Haba / Asap) :

Sistem Pancur Air Basah / Kering :

Sistem Saluran Bantu Mula (Gelung Hos) :

Sistem Karbon Dioksida CO₂ :

Sistem Komunikasi Bomba :

Pemasangan Tetap Lain :

Bangunan Terlindung :

Bilangan Pancur (* Basah / Kering) :

Bilangan Air Masuk Pam (Pumping Inlets) :

Bilangan Injap Penurun (Landing valves) :

Bilangan Tempat Panggilan Penggera Kebakaran (Call Point) :

Bilangan Panel Penunjuk :

Tempat :
 Sambungan Ke Balai Bomba :
 Bekalan Kuasa Sekunder (Secondary Power Supply) :
 Bilangan Air : Bekalan air berikut telah dilengkapi :
 Bilangan Pili Bomba :
 Tempat / Tempat-tempat :
 Aliran minimum / dm³/jam :
 Sesalur Kerja Air / Sesalur Pancur : Diameter mm
 Kolam Air Persendirian (Jenis) : Muatan mm
 Kadar air keluar/penggantian oleh sesalur kerja air :
 Pam Kuasa Gerakan : Kadar Nominal dm³/jam. Bars

Mengambil Air Daripada :
 Ulasan (jika ada) dan peninggalan daripada TASB/JBP/ STANDARD BRITISH, Peraturan – peratiran KPPB

Saya memperakui bahawa * Pemasangan Tetap / Sistem Penggera Kebakaran sebagaimana di perihalkan dalam Borang Permohonan dan sebagaimana di tunjukkan dalam lukisan yang diluluskan telah siap di bawah pengawasan saya sendiri dan telah diuji dengan memuaskan saya dan oleh itu saya memohon endorsan tuan bagi pengeluaran suatu akuan siap.

Nama : Tandatangan orang yang mengemukakan
 Alamat :

UNTUK KEGUNAAN RASMI SAHAJA

Permohonan diterima pada

Permohonan diluluskan pada

.....
 Nama orang yang meluluskan Tandatangan orang yang meluluskan

**PERAKUAN PEMASANGAN, SISTEM KEBOMBAAN
DAN ELEMENT STRUKTUR**

Kepada,

Jabatan Bomba Dan Penyelamat Yang Berkenaan

Tuan,

Nama Projek :

Alamat :

No. Fail Bomba :

Bahawasanya adalah diakui dan disahkan sistem-sistem kebomgaan, dinding pengasing, dinding pangsa, dinding dua pihak dan pemasangan peralatan mencegah serta melawan kebakaran di projek sepertimana tersebut di atas telah disempurnakan mengikut piawaian-piawaian UBBL atau piawaian-piawaian yang diperakui oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat, Malaysia di tempat-tempat yang tercatat di dalam pelan yang disemak oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat, Malaysia serta berpandukan kepada keperluan-keperluan yang ada dalam surat-surat Jabatan Bomba dan Penyelamat, Malaysia yang berkaitan dengan projek tersebut.

Terima kasih.

Saya yang benar,

Tandatangan :

Nama :

Status profesional :

Nama firma/syarikat :

Tarikh :



- Perlu di cetak diatas kertas berwarna biru – BLUE FORM.
- Perlu di isi oleh arkitek

**PERAKUAN PEMASANGAN, SISTEM KEBOMBAAN
DAN ELEMENT STRUKTUR**

Kepada,

Jabatan Bomba Dan Penyelamat Yang Berkenaan

Tuan,

Nama Projek :

Alamat :

No. Fail Bomba :

Bahawasanya adalah diakui dan disahkan sistem-sistem kebomgaan, dinding pengasing, dinding pangsa, dinding dua pihak dan pemasangan peralatan mencegah serta melawan kebakaran di projek sepertimana tersebut di atas telah disempurnakan mengikut piawaian-piawaian UBBL atau piawaian-piawaian yang diperakui oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat, Malaysia di tempat-tempat yang tercatat di dalam pelan yang disemak oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat, Malaysia serta berpandukan kepada keperluan-keperluan yang ada dalam surat-surat Jabatan Bomba dan Penyelamat, Malaysia yang berkaitan dengan projek tersebut.

Terima kasih.

Saya yang benar,

Tandatangan :

Nama :

Status profesional :

Nama firma/syarikat :

Tarikh :

COP

- Perlu di cetak diatas kertas berwarna biru – BLUE FORM.
- Perlu di isi oleh jurutera M&E.

JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
PERMOHONAN PEMERIKSAAN DAN UJIAN

No. Rujukan Fail Bomba :

A. Nama : No. Tel :

Alamat :

Alamat Tempat Pemeriksaan / Ujian :

B. Pemeriksaan bangunan-bangunan baru, tambahan dan pembaharuan :-

(a) @ RM1.00 Bagi Pemeriksaan Pertama Bilangan X RM1.00 = RM

(b) @ RM100.00 Bagi Pemeriksaan Kedua Bilangan X RM100.00 = RM.....

C. Alat-alat kebombaan bagi (Alamat tempat pemeriksaan)

Telah dipasang dengan sempurna seperti dikehendaki oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Bayaran mengikut PU (A) 207 dalam warta Kerajaan bertarikh 7hb Julai 1977 telah dijelaskan bagi sistem yang disenaraikan di bawah ini :-

1. Menguji Alat-Alat Pemadam Api
 @ RM5.00 tiap-tiap satu (**Sila bayar di balai bomba berhampiran dengan tempat pemeriksaan**) Bilangan :x RM5.00 = RM.....
2. Menguji Sistem Pancur Kering (Dry Riser System)
 @ RM50.00 tiap-tiap satu. Bilangan :x RM50.00 = RM.....
3. Menguji Sistem Pancur Basah (Wet Riser System),
 Sistem Pili Bomba @ RM100.00 tiap-tiap satu sistem
 (kiraan bagi pam adalah seperti no. 8b) Bilangan :x RM100.00 =RM.....
4. Menguji Gulong Hos Bantu Mula (First Aid Hose
 Reel) termasuk pam-pam berkaitan dengan sistem
 tersebut @ RM5.00 Bilangan :x RM5.00 = RM.....
 (kiraan bagi pam adalah seperti no. 8b)
5. Menguji Penggera Kebakaran
 @ RM2.00 tiap-tiap satu point. Bilangan :x RM2.00 = RM.....
6. Mengesan Pengesan Otomatik (Automatik Detector)
 @ RM1.00 tiap-tiap satu pengesan. Bilangan :x RM1.00 = RM.....
7. Menguji Sistem Hubungan (Communication System) dalam
 bangunan @ RM50.00 bagi tiap-tiap sistem Bilangan :x RM50.00 = RM.....

8.	a) Menguji Penyembur Air Otomatik (Automatik Sprinkler) @ 50 sen bagi tiap-tiap satu kepala	Bilangan :x RM0.50 = RM.....
	b) Menguji pam @ RM50.00 tiap-tiap satu	Bilangan :x RM50.00 = RM.....
9.	Menguji Sesekat Api (Fire Damper) @ RM5.00 tiap-tiap satu	Bilangan :x RM5.00 = RM.....
10.	Menguji Gerobok Api (Fire Door) @ RM1.00 tiap-tiap satu	Bilangan :x RM1.00 = RM.....
11.	Menguji Panel Penggera Kebakaran (Fire Alarm Panels) @ RM20.00 tiap-tiap satu	Bilangan :x RM20.00=RM.....
12.	Menguji Sistem Pengasingan Asap (Smoke Extractor System) @ RM50.00 tiap-tiap satu sistem	Bilangan : x RM50.00 = RM.....
13.	Menguji Lift Api (Fire Lifts) @ RM50.00 tiap-tiap satu	Bilangan : x RM50.00 = RM.....
JUMLAH		RM

Bayaran yang dibuat kurang dari jumlah sebenarnya dan dijelaskan bakinya dalam tempoh 7 hari penerimaan bil.

Saya / Kami memohon sekiranya pihak tuan mengadakan pemeriksaan / ujian di alamat yang disebutkan di atas pada tarikh dan masa yang sesuai bagi pihak tuan.

- Alat pemadam api hendaklah dikemukakan ke Balai Bomba yang berdekatan sekali untuk diuji.
- Sila potong mana yang tidak berkenaan.
- Sila isi borang PU (A) 207 dalam 3 salinan.

Nota : Bayaran bagi menguji sistem pemasangan tetap CO₂ dan lain-lain adalah seperti no. 3.

Tarikh :

.....
(Tandatangan Pemohon dan Cop)

SURAT PELEPASAN BAGI CADANGAN PEMAJUAN SKALA KECIL

1. Nama Projek:
2. No. Fail:
3. Tarikh & Masa Pemeriksaan:
4. Pegawai Pemeriksa
i)
ii)
5. Ulasan Pegawai Pemeriksa

Kehendak –kehendak Keselamatan Kebakaran

- ☐ Dipatuhi
- ☐ Tidak Dipatuhi (Sila lihat lampiran yang disertakan)
6. Rekomendasi Pegawai Pemeriksa *
- ☐ Berdasarkan pemeriksaan yang dijalankan, didapati semua kehendak- kehendak keselamatan kebakaran telah dilaksanakan. Oleh itu, pengeluaran **Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan** adalah disokong
- ☐ Berdasarkan pemeriksaan yang dijalankan, didapati terdapat kehendak- kehendak keselamatan kebakaran tidak dilaksanakan. Oleh itu, pengeluaran **Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan** adalah tidak disokong.

Tandatangan Pegawai Pemeriksa

.....
(Nama & Cop Rasmi).....
(Nama & Cop Rasmi)

Adalah saya mencadangkan agar maksud utama penggunaan cadangan projek seperti di atas adalah dalam Kumpulan Maksud dan keperluan kelengkapan keselamatan kebakaran adalah seperti berikut. [keperluan kelengkapan keselamatan kebakaran hendaklah ditentukan mengikut UBBL pada sesuatu cadangan projek]

Pelan Tapak:

- ☐ Adakan buah pili bomba jenis tiang pengeluaran dua hala dengan pengeluaran air sebanyak 1000 liter seminit bagi setiap pili bomba sepertimana yang ditandakan didalam pelan.
- ☐ Pili bomba sediaada hendaklah dalam keadaan baik.
- ☐ Adakan jalan akses perkakas bomba (access road) dengan kelebaran tidak kurang 6 meter yang boleh menanggung beban 25 tan sepertimana yang ditandakan didalam pelan.
- ☐ Kecerunan jalan akses perkakas bomba hendaklah tidak kurang 1 : 12.
- ☐ Ketinggian kelegaan hendaklah tidak kurang daripada 5 meter.
- ☐ Jarak antara bangunan hendaklah mematuhi Jadual Ke Enam UBBL 1984.

Kehendak-Kehendak Am:-

- ☐ Semua pendawaian elektrik bagi sistem kecemasan hendaklah dalam konduit logam atau daripada kabel yang mempunyai penempatan mineral tahan api. Pemasangannya hendaklah sepanjang kawasan yang paling kurang risiko kebakarannya dan mematuhi UUK 253, UUKBS 1984.
- ☐ Semua elemen struktur hendaklah mempunyai tempoh ketahanan api mengikut UBBL 1884.
- ☐ Adakan sistem pengudaraan bagi tangga keselamatan sama ada secara biasa atau mekanikal.
- ☐ Penggunaan gas petroleum cecair (L.P.G) secara 'bulk storage' hendaklah mematuhi syarat-syarat penentuan M.S. 830 dan M.S. 930. Sila kemukakan pelan yang lengkap ke Jabatan ini.
- ☐ Semua papan tanda keselamatan kebakaran hendaklah mematuhi M.S. 982.

Kehendak-kehendak Aktif

- ☐ Adakanunit saluran bantu mula mengikut Piawaian Malaysia MS 1489:Part1 atau mana-mana penentuan yang dibenarkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.
- ☐ Adakanunit penggera kebakaran jenis pecah kaca mengikut mengikut Piawaian Malaysia MS 1745 : Part 14 dan peruntukan dalam UUKBS 1984
- ☐ Adakan sistem pengesan haba/ asap mengikut Piawaian Malaysia MS 1745 : Part 14 dan peruntukan dalam UUKBS 1984.
- ☐ Adakan suis pengasingan elektrik (electrical isolation switch) dan hendaklah tidak menjejaskan lampu kecemasan apabila ia ditutup.
- ☐ Adakan sebuah pusat pemerintahan dan kawalan kebakaran di lantai tetuan (designated floor) yang dilengkapi dengan peti penggera kebakaran.
- ☐ Adakan unit alat pemadam api yang bersesuaian mengikut piawaian MS 1539: Part. 3.
- ☐ Adakan sistem talian terus amaran kebakaran bomba kepada balai bomba terdekat dan pemasangannya hendaklah mematuhi syarat-syarat penentuan Jabatan Bomba dan Penyelamat, Malaysia.
- ☐ Adakan pemasangan tetap gas mengikut syarat-syarat penentuan yang diluluskan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia seperti tertanda di pelan.
- ☐ Adakan sistem penyembur air automatik mengikut Piawaian Malaysia MS 1919 : 2006 atau mana-mana penentuan yang dibenarkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.
- ☐ Adakan lampu tanda 'KELUAR' kecemasan Piawaian Malaysia MS 985 dan dari jenis yang diluluskan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.
- ☐ Adakan lampu kecemasan yang menggunakan dua kuasa karan sepertimana yang ditanda kan di dalam pelan. Lampu-lampu tersebut

- ☐ Semua 'Kitchen Hood' hendaklah dilindungi dengan sistem pemasangan tetap gas yang dipasang mengikut syarat-syarat penentuan yang dibenarkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

- ☐ Adakan kemudahan pengeluaran asap (smoke venting) samada secara biasa atau mekanikal mengikut penentuan yang dibenarkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Kehendak-kehendak Pasif

- ☐ Penggunaan siling bangunan hendaklah menepati kehendak-kehendak U.B.B.L. 1984 Jadual Kelapan.
- ☐ Semua tangga keselamatan hendaklah dikepong dengan tembok batu bata setebal 100mm atau tangga terbuka yang memenuhi UUBL 1984.
- ☐ Adakan pintu rintangan api satu jam sepertimana yang ditandakan didalam pelan. Pemasangannya hendaklah tertutup sendiri dan tertutup rapat.
- ☐ Adakan dinding pemetakkan (compartment wall) setebal 112mm/ 225mm batu-bata yang dibina sehingga paras bumbung/ lantai sepertimana yang ditandakan di dalam pelan.
- ☐ Dinding bagi bilik setor yang disifatkan merbahaya hendaklah setebal 100mm batu- bata dan pintunya dari jenis rintangan api satu jam dipasang dengan 'door closer'.
- ☐ Adakan bidai gulung[roller shutter] rintangan api 2 jam / 4 jam seperti tertanda di dalam pelan.
- ☐ Penggunaan kaca-kaca pada dinding luar bangunan hendaklah dari jenis yang dibenarkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.
- ☐ Semua bilik bagi penempatan pam bomba dan janakuasa hendaklah dibina dari tembok batu-bata yang tahan rintangan api dua jam. Pintu-pintunya hendaklah dari rintangan api satu jam.
- ☐ Dinding pemisah hendaklah dari jenis batu-bata setebal 200mm jenis yang menanggung beban dan 100 mm yang tidak menanggung beban. Dinding ini hendaklah dinaikkan 225 mm melebihi paras bumbung atau mematuhi rekabentuk yang dipersetujui oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat, Malaysia.
- ☐ Semua dinding pembahagi dalaman hendaklah dari jenis rintangan ½ jam dan dari jenis yang dibenarkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat, Malaysia.
- ☐ Adakan dinding pembalik (Deflector Wall) sepanjang 450mm dan 115mm tebal sepertimana yang ditandakan di dalam pelan.

Peringatan

- ☐ Segala syarat-syarat yang dikemukakan adalah tertakluk kepada rekabentuk dan kegunaan serta lokasi bangunan tersebut. Sekiranya sebarang perubahan yang dilakukan keatas rekabentuk atau kegunaannya seperti yang dicatatkan diatas pelan maka hendaklah dirujuk ke Jabatan ini untuk dikaji semula.
- ☐ Segala pemilihan bahan dan penggunaannya yang berkaitan dengan keselamatan kebakaran bagi projek cadangan serta sistem pencegahan kebakaran hendaklah mematuhi UBBL 1984 dan peraturan-peraturan yang diterima sahaja dan yang dibenarkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.
- ☐ Pengesahan pelan ini adalah tidak tertakluk kepada penyimpanan, penggunaan, pemerosesan dan penghasilan bahan berbahaya atau kimia berbahaya. Sekiranya terdapat sebarang penyimpanan, penggunaan, pemerosesan dan penghasilan bahan berbahaya atau kimia berbahaya setelah pelan disahkan maka pelan bangunan tersebut hendaklah dirujuk kembali ke jabatan ini untuk dikaji semula.
- ☐ Pelan lukisan dan pengiraan bagi semua pemasangan tetap hendaklah dikemukakan ke Jabatan Bomba dan Penyelamat, Malaysia. Jumlah pelan-pelan yang perlu dikemukakan hendaklah tidak kurang tiga perenggu.
- ☐ Mana-mana premis yang mengendalikan, memproses atau menyimpan bahan-bahan bahaya hendaklah diadakan tanda khas mengikut simbol 'Hazchem Code'. Tanda-tanda ini hendaklah mudah dilihat.

CARTA ALIR PEMERIKSAAN PROJEK JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

